

KERAJAAN MELAKA DALAM HUBUNGAN ANTARABANGSA

Zainal Abidin bin Abdul Wahid

Kadangkala kita diberi gambaran bahawa Malaysia cuma menjadi seorang anggota masyarakat antarabangsa sejak 31 Ogos 1957. Tarikh tersebut dianggap sebagai tarikh kita mencapai kemerdekaan daripada kerajaan British. Jadi, dari 31 Ogos 1957 barulah kita mula menggubal dasar luar dan mengendalikan hubungan antarabangsa Malaysia.

Gambaran ini adalah tidak benar. Dari kurun ke 15 lagi kita telah menggubal dasar luar kita sendiri dan melaksanakannya. Ini berlaku di zaman Kesultanan Melayu Melaka. Kalau kita kaji sejarah negara kita dengan teliti maka sebenarnya kita tidak pernah hilang kemerdekaan secara penuh. Kedaulatan tetap di tangan Sultan-sultan kita.

Mungkin ada baiknya kalau kita melencong sedikit untuk melihat dengan lebih jelas tentang soal kemerdekaan dan kedaulatan kita. Selepas Melaka ditawan Portugis, Sultan Melaka berundur ke Muar, ke Pahang, ke Bentan, ke Kampar dan seterusnya ke Johor Lama. Jadi Sultan yang membuka Johor Lama adalah lanjutan kepada Kesultanan Melaka. Ini terbukti benar apabila Johor Lama menjadi pusat perniagaan yang besar, menyaingi Melaka yang telah ditawan oleh Portugis, ia telah diserang oleh Portugis. Dalam peperangan ini Raja Kampar dan Raja Trengganu telah memberi bantuan kepada keturunan Sultan Melaka di Johor Lama.¹ Raja Kampar dan Raja Trengganu menganggap raja yang memerintah di Johor Lama sebagai lanjutan kepada Kesultanan Melayu Melaka. Nama Kesultanan ini kemudiannya bertukar menjadi Kesultanan atau Empayar Johor-Riau apabila ia telah lama bertapak di Johor dan seterusnya di Kepulauan Riau. Bukti kuasa Kesultanan Johor-Riau ke atas Semenanjung Tanah Melayu dapat dilihat apabila Kompeni Hindia Timur Inggeris (KHTI) hendak membuka Singapura. KHTI telah menghantar seorang pegawai kanannya, Farquhar, ke Kepulauan Riau untuk mendapatkan kebenaran dari Kesultanan Johor-Riau. Apabila gagal, Sir Stamford Raffles, lagi seorang pegawai kanan KHTI, telah menggunakan tipu helah untuk mendapatkan Singapura. Raffles telah melantik Tengku Hussain

(Tengku Long) kekanda kepada Sultan Abdul Rahman, Raja Johor-Riau untuk menjadi Sultan di Singapura. Pemilihan Hussain menunjukkan lagi pengiktirafan Raffles kepada kedaulatan keluarga diraja Kesultanan Johor-Riau ke atas Singapura.

Malangnya Kesultanan Johor-Riau telah dibelah-bahagi oleh penjajah British dan Belanda apabila mereka membuat Persetiaan London 1824. Melalui Persetiaan ini Britain dan Belanda telah bersetuju supaya negara-negara yang di utara Selat Melaka menjadi kawasan pengaruh British dan yang di selatan Selat Melaka menjadi kawasan pengaruh Belanda. Dengan Persetiaan ini penjajah British dan Belanda telah memecahkan pemerintahan cara berempayar Kesultanan Johor-Riau. Selepas itu, negeri-negeri Melayu di Semenanjung Tanah Melayu mula bertapak dengan lebih kuat lagi, dengan cara berasingan dan dengan kedaulatannya masing-masing. Begitulah keadaannya apabila pihak British memeteraikan Perjanjian Pangkor 1874, iaitu pihak British membuat perjanjian dengan Sultan Perak yang berdaulat. Demikianlah seterusnya dengan negeri-negeri Melayu yang lain. Mereka bersetuju *bernaung* di bawah kerajaan British, bukan menjadi tanah jajahannya.

Pendudukan Jepun di Malaysia 1941-1945 dianggap sebagai satu keadaan luar biasa. Masa itu adalah masa peperangan.

Selepas Perang Dunia Kedua, kerajaan British cuba menghapuskan kedaulatan Raja-raja Melayu. Menerusi rancangan Kesatuan Tanah Melayu atau Malayan Union, kerajaan British hendak menukar taraf negeri-negeri Melayu daripada negeri yang bernaung kepada tanah jajahan. Sungguhpun kerajaan British telah dapat tandatangan dari kesembilan Raja-raja Melayu tetapi keabsahan perjanjian Malayan Union itu boleh dipersoalkan. Misalnya, perlembagaan Negeri Johor tidak membenarkan Sultan Johor menyerahkan negeri Johor kepada kuasa lain.² Perlembagaan Negeri Trengganu pula memerlukan satu persidangan 'Raja di dalam Majlis' (Ruler-in-Council) sebelum Sultan boleh membuat keputusan menyerahkan negerinya kepada kuasa lain. Jadi dalam dua peristiwa ini adalah jelas bahawa tandatangan Sultan-sultan ini tidak mengikut kehendak perlembagaan negeri masing-masing. Berkenaan dengan Sultan Kedah pula, baginda telah diugut oleh Harold MacMichael supaya menurunkan tandatangannya.³ Sultan Kedah telah menandatangani perjanjian Malayan Union itu oleh kerana 'paksaan' (under duress). Persetujuan yang dicapai seperti ini lazimnya tidak dianggap sah dari segi undang-undang. Sekurang-kurangnya tiga contoh ini mempersoalkan keabsahan Perjanjian Malayan Union.

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, dari segi kerajaan British, mengembalikan kedaulatan Raja-raja Melayu. Apabila kemerdekaan diisytiharkan pada 31 Ogos 1957, surat perjanjian-nya ditandatangani oleh Raja-raja Melayu dengan kerajaan British, sebagai bukti kedaulatan mereka.

Jadi apa yang penting dari segi pelencongan ini ialah kesinambungan kewujudan kedaulatan Raja-raja Melayu dari zaman Kesultanan Melayu Melaka hingga Merdeka diisytiharkan pada 31 Ogos 1957.

Sebagai sebuah Kesultanan yang begitu kayaraya, sebagai sebuah pusat perdagangan yang begitu besar, Kesultanan Melayu Melaka mestilah mempunyai satu sistem pemerintahan yang berkesan dan dasar-dasar yang baik.

Seorang penulis Portugis bernama Tome Pires telah menulis, tidak lewat dari 1512, tentang kebesaran Melaka. Antara lain, beliau menyatakan,

...di pelabuhan Melaka biasanya terdapat lapan puluh empat bahasa digunakan, tiap-tiap satu berlainan...⁴

Duarte Barbosa, seorang lagi penulis Portugis yang telah merakamkan pendapatnya di kurun ke 16, telah berkata,

... bandaraya Melaka ini adalah pelabuhan yang terkaya dengan jumlah perdagangan borong yang terbesar dan perkapalan serta perdagangan yang sungguh banyak yang boleh didapati di seluruh dunia.⁵

Kedua-dua pendapat ini dikemukakan oleh penulis-penulis Portugis, bukan Melayu. Jadi, Melaka yang begitu besar dan begitu kaya serta dengan pedagang yang begitu ramai tentulah memerlukan satu sistem pemerintahan yang berkesan untuk menentukan agar perdagangan berjalan dengan lancar dan teratur supaya pedagang-pedagang berpuashati. Dasar-dasar Kesultanan Melayu Melaka juga, pada keseluruhannya, pasti baik lagi munasabah; kalau tidak, masakan sebegitu besar jumlah pedagang yang datang.

Dasar luar Melaka nampaknya dilandaskan kepada beberapa perkara yang penting. Pertamanya kerajaan Melaka berkehendakkan keselamatannya terjamin, ia mahu Melaka menjadi pusat perdagangan yang besar, selamat lagi mewah; untuk mencapai matlamat itu Melaka perlukan bekalan makanan yang cukup bagi orang-orang yang datang berniaga di Melaka; dan lalulintas ke Melaka hendaklah selamat, khususnya dari segi serangan lanun terhadap kapal-kapal perdagangan. Selain dari itu Melaka melaksanakan dasar perdagangan yang agak bebas. Tidak kurang pentingnya Melaka juga menjadi pusat penyebaran Islam.

Soal keselamatan biasanya berkait rapat dengan politik. Di peringkat awal penubuhan Melaka, ia menghadapi ancaman dari Siam. Pada masa itu Melaka belum begitu kuat dan kurang yakin yang ia boleh menentang ancaman Siam itu secara sendirian dan berjaya. Kebetulan rombongan dari kerajaan China melawati Melaka sejak tahun 1403 lagi. Pada masa itu China dianggap sebagai sebuah kuasa yang kuat dan giat berdagang di rantau Asia, termasuk di Asia Tenggara. Kesultanan Melayu Melaka melihat minat dan kegiatan China ini sebagai satu peluang untuk menjaga keselamatannya. Ia mula membuat perhubungan dengan China. Perhubungan ini berkembang dengan baik hingga Melaka dapat mempengaruhi China untuk mengingatkan Siam supaya Siam jangan mengganggu Melaka.

Ingatan dari China ini telah membendong keghairahan Siam. Dalam tempoh itu, Melaka telah berjaya mempertingkatkan kekuatan tenteranya. Jadi, apabila kerajaan China mengubah dasar luarnya di pertengahan 1430an iaitu menarik diri dari bergiat di luar negaranya,⁶ Melaka telah sedia untuk menghadapi sebarang ancaman. Melaka telah dapat mematahkan dua serangan dari Siam.

Perhubungan Melaka dengan China ini pernah dipersoalkan. Ada pendapat yang mengatakan Melaka telah menerima ketuanan China dan menjadi negara ufti. Pendapat ini masih boleh didebatkan. Kerajaan China pada masa itu menganggap semua negara yang menghantar rombongan kepadanya sebagai negara uftinya. Jadi terdapatlah Itali dan Portugal di dalam senarai negara-negara yang dianggap oleh kerajaan China sebagai negara ufti. Agak sukar bagi kita menerima yang Itali dan Portugal menerima ketuanan China. Ertinya ada kemungkinan yang taraf negara ufti itu adalah dari kacamata kerajaan China sahaja.⁷ Oleh itu Kesultanan Melayu Melaka juga mungkin sekedudukan seperti Itali dan Portugal.

Dari segi perhubungan Melaka-China-Siam sebelum 1430an, ini merupakan satu dasar luar dan diplomasi Melaka yang baik lagi berkesan. Ia merupakan satu pelaksanaan dasar perseimbangan kuasa (*balance of power*). Melaka telah berjaya mengimbangi kekuatan Siam dengan menggunakan kuasa China.

Berkaitan dengan perhubungan Melaka dengan China ini, ada juga pendapat yang mengatakan bahawa pengantaran 'ufti' oleh Melaka kepada China sebagai bukti yang Melaka menerima ketuanan China. Perlu diingat bahawa Melaka pada zaman itu adalah satu pusat perdagangan. Perairan Laut China Selatan pada masa itu dipenuhi oleh lanun-lanun China yang kuat dan ganas. Tetapi lanun-lanun ini takut kepada kerajaan China. Jadi, adalah tidak menghairankan apabila rombongan-rombongan perdagangan dari

negara-negara lain yang hendak pergi ke negara China mengisytiharkan kapal mereka sebagai pembawa ufti kepada kerajaan China untuk mengelakkan rompakan dari lanun.⁸ Selain dari itu, kerajaan China lazimnya membalas dengan hadiah yang lebih besar nilainya dari 'ufti' yang diberi kepadanya.⁹ Mungkin boleh dianggap 'pengantaran ufti' ini sebagai satu cara perniagaan.

Juga, kalau taraf 'negara ufti' itu semata-mata dari kacamata kerajaan China sahaja dan ia tidak menjadi gangguan kepada kemerdekaan negara-negara yang terlibat maka, mungkin, walaupun mereka tahu yang China menganggap mereka sebagai 'negara ufti', anggapan itu tidak menjadi masalah kepada mereka. Malahan ada faedahnya.

Seterusnya Tome Pires, dalam bukunya *Suma Oriental*, telah menyatakan,

Barang siapa menguasai Melaka maka ia akan dapat menguasai Venice.¹⁰

Venice, pada masa itu, merupakan sebuah pelabuhan yang besar di Eropah dan menjadi pintu masuk ke Eropah bagi barang-barang dagangan dari Asia. Buku *Sejarah Melayu* pula memerikan Melaka sedemikian,

Ada pun zaman itu negeri Melaka terlalu sa-kali ramai-nya, segala dagang pun berkampong; maka dari Ayer Leleh datang ka-Kuala Muar pasar tiada berputusan lagi, dari kampong Keling datang ka-Kuala Penajoh itu pun tiada berputusan; jika orang dari Melaka datang ka-Jugra tiada membawa api lagi, barang di-mana berhenti di-sana ada-lah rumah orang; dari sa-belah sini hingga datang ka-Batu Pahat demikian juga, kerana masa itu ra'ayat Melaka, sembilan belas laksa banyaknya yang di-dalam negeri juga.¹¹

Dua nukilan yang terawal beserta dengan dua yang terbaharu ini dengan jelas menunjukkan kebesaran dan kekayaan Melaka. Kerajaan Melaka sedar bahawa keagongannya akan terjejas kalau ia tidak mengambil langkah-langkah tertentu bagi menjamin keselamatan Melaka. Misalnya, Kerajaan Melaka perlu menentukan agar perjalanan kapal-kapal perdagangan yang hendak pergi ke Melaka dan balik dari situ dapat belayar dengan selamat. Kapal-kapal ini hendaklah terpelihara dari serangan lanun. Bagi mencapai matlamat ini, Kesultanan Melaka telah menguasai beberapa kawasan di pantai barat Semenanjung Tanah Melayu dan di pantai timur Sumatra supaya dapat lalulintas dikawal dengan lebih berkesan. Kawasan dari Kelang¹² hingga ke Beruas¹³ merupakan bahagian pantai barat Tanah Melayu yang terlibat; di pantai timur Sumatra pula terdapat misalnya Siak, Siantan, Kampar dan Indragiri.¹⁴ Perairan di sebelah selatan, di sekitar Muar hingga ke pulau Singapura juga mendapat perhatian Kerajaan Melaka.¹⁵

Selain daripada mengawal keselamatan lalulintas di Selat Melaka, Kesultanan Melayu Melaka juga cuba menentukan soal bekalan makanan untuk pedagang-pedagang yang begitu ramai. Sebagai contoh, cuba kita lihat satu nukilan lagi dari Pires yang jelas menunjukkan keramaian dan kepelbagaian pedagang-pedagang yang datang ke Melaka pada zaman Kesultanan dahulu,

Moors from Cairo, Mecca, Aden, Abyssinians, men of Kilwa, Malindi, Ormuz, Parsees, Rumes, Turks, Turkomans, Christians Armenians, Gujaratees, men of Chaul, Dabhol, Goa, of the kingdom of Deccan, Malabars and Klings, merchants from Orissa, Ceylon, Bengal, Arakan, Pegu, Siamese, men of Kedah, Malays, men of Pahang, Patani, Cambodia, Champa, Cochin China, Chinese, Lequeos, men of Brunei, Lucoes, men of Tamjompura, Laue, Banka, Linga (they have a thousand other islands), Moluccas, Banda, Bima, Timor, Madura, Jaya, Sunda, Palembang, Jambi, Tongkal, Indragiri, Kappatta, Menangkabau, Siak, Arqua (Arcat?), Aru, Bata, country of the Tomjano, Pase, Pedir, Maldives.¹⁶

Sungguhpun hampir semua pedagang-pedagang ini datang ke Melaka untuk berniaga dan tinggal di Melaka buat sementara sahaja¹⁷ tetapi bekalan makanan mereka perlulah disediakan. Langkah ini menjadi salah satu dayatarik bagi Melaka sebagai sebuah pusat perdagangan yang besar. Kawasan di sekitar kota Melaka sendiri tidak mempunyai sumber makanan yang cukup untuk pedagang-pedagang asing ini. Oleh itu Kerajaan Melaka perlu memikirkan soal membawa masuk makanan dari luar.

Pada masa itu Jawa dan Siam merupakan dua negara pengeluar beras yang penting, juga bahan makanan lain. Oleh itu adalah mustahak bagi Melaka untuk mengadakan perhubungan yang baik dengan kedua-dua negara ini supaya bekalan makanan dapat dipastikan. Merujuk kepada Sultan Muzaffar Shah, Pires mengatak-

he always maintained his friendship with the said king; and a large quantity of footstuffs came from Jawa."¹⁸

Sultan Mansor Shah, yang menggantikan Sultan Muzaffar Shah, meneruskan dasar muhibbah dengan Majapahit. Sultan Mansor Shah telah membuat satu lawatan negara ke Majapahit.¹⁹ Berkenaan dengan Siam pula, Melaka telah berperang dua kali dengan Siam. Selepas peperangan itu, perhubungan Melaka dengan Siam terjejas. Sultan Mansor Shah memberi perhatian kepada hal ini. Baginda bertitah,

Apa sudah-nya kita berhelangan (berhalangan) dengan Siam. Berkelahi pun tiada berdamai pun tiada, orang kita tiada pergi ka-Siam, orang Siam pun tiada datang ka-Melaka.²⁰

Pembesar-pembesar Melaka bersetuju dengan cadangan Sultan Mansor Shah untuk mengirim satu perutusan kepada kerajaan Siam. Mereka berpendapat,

Kerana daripada banyak seteru, baik berbanyak sahabat.²¹

Pendapat ini merupakan satu dasar luar yang diamalkan oleh hampir semua, kalau tidakpun semua, negara moden sekarang. Untuk mencapai matlamat dasar tersebut, Kerajaan Melaka telah menunjukkan satu cara diplomasi yang menarik. Sultan Mansor Shah bertitah,

Hendaklah Bendahara Paduka Raja karang surat ka-benua Siam. Kehendak kita, sembah pun jangan, salam pun tidak, surat kaseh pun jangan.²²

Sesudah menentukan soal keselamatan lalulintas dan bekalan makanan, Kesultanan Melaka telah mengamalkan satu dasar perniagaan yang agak bebas lagi adil. Kerajaan Melaka tidak cuba memerah pedagang-pedagang dengan cukai yang berat. Cukai-cukai yang dikenakan, pada umumnya, dianggap munasabah. Dasar perniagaan yang agak bebas lagi adil ini merupakan satu daya tarik yang penting kepada pedagang-pedagang luar. Ini terbukti apabila Melaka telah dikuasai oleh Portugis di tahun 1511, lanjutan kepada Kesultanan Melaka di Johor Lama pula menjadi tumpuan kepada pedagang-pedagang biarpun yang datang dari sebelah barat dan utara Melaka. Pedagang yang dari barat dan utara Melaka ini, dari segi ilmu alam, adalah lebih dekat ke Melaka daripada ke Johor Lama; tetapi mereka lebih suka berniaga di Johor Lama. Akhirnya, di penghujung kurun ke 16, pihak Portugis terpaksa menyerang Johor Lama untuk mengelakkan kekurangan pedagang yang datang ke Melaka.²³

Berbalik kepada dasar perniagaan dan cukai Kesultanan Melayu Melaka, kita dapati Kerajaan Melaka pada zaman itu telah mengamalkan satu sistem cukai yang agak moden. Sekarang kita selalu juga mendengar istilah 'sistem cukai berkeutamaan' (*Preferential tariff system.*) Pendekatan kepada sistem cukai yang seperti ini telah diamalkan di Melaka di kurun ke 15 lagi. Pires misalnya menyatakan bahawa pedagang-pedagang dari sebelah barat Melaka seperti India, Ceylon, Pegu dan dunia Arab dikenakan cukai 6 peratus dan yang dari temaptan 3%.

These all pay six percent in Malacca... Malaysans or from other nations, who have their wives and settle in Malacca. They pay three percent, and besides this a royal due of six percent in the case of a foreigner and three in the case of a native.²⁴

Seterusnya pedagang-pedagang dari timur seperti China, Jepun, Jawa dan Meluku tidak dikenakan cukai. Mereka dikehendaki memberi hadiah sebagai pengganti cukai.

The presents are a reasonable amount, something like dues.²⁵

Pada pendapat saya, apa yang perlu kita beri perhatian di sini ialah unsur-unsur dasar luar Melaka. Kerajaan Melaka telah mempunyai satu asas penilaian tentang perhubungannya dengan negara-negara lain. Ada negara misalnya yang dianggap oleh Melaka sebagai negara sahabat dan mempunyai perhubungan rapat yang dikenakan cukai rendah. Mungkin ada pula negara yang perdagangannya begitu menguntungkan Melaka maka ia tidak perlu dicukai banyak. Mungkin juga perhitungan Kerajaan Melaka diasaskan kepada gabungan faktor-faktor ini. Hakikatnya ialah Kesultanan Melaka mempunyai dasar luar yang teratur dan berkesan.

Satu lagi segi dasar luar Melaka berkait dengan hubungan Kesultanan Melaka dengan negara-negara jiran. Sedikit sebanyak hubungan Melaka dengan China, Majapahit dan Siam telah pun dikemukakan. Di kalangan negara-negara di Gugusan Kepulauan Melayu, nampaknya ada sekurang-kurangnya empat peringkat perhubungan — negara setaraf, negara yang menerima ketuanan Melaka atau negara yang ‘bernaung’, negara yang hubungannya dengan Melaka tidak dapat dimasukkan kepada salah satu daripada dua peringkat ini seperti Mengkasar dan ada pula negeri-negeri yang menjadi sebahagian dari Melaka seolah-olah tanah jajahannya, misalnya Kelang. Pemingkatan ini bukanlah pasti kerana ada negara-negara yang sukar hendak ditentukan tempatnya.

Peringkat perhubungan ini juga tidaklah kekal sepanjang masa. Pada satu ketika ada tiga negara yang dianggap sama besar dengan Melaka iaitu Majapahit, Pasai dan Haru.²⁶ Kemudiannya Haru sudah tidak lagi dianggap setaraf. Ini berlaku apabila Haru menyerang jajahan takluk Melaka. Dalam peperangan antara Melaka dengan Haru ini, Haru telah kalah dan minta berdamai.²⁷

Terdapat pula negara yang boleh ditakrifkan ‘bernaung’ kepada Melaka. Sungguhpun istilah ‘negara’ lazimnya digunakan untuk menunjukkan keadaan yang merdeka lagi berdaulat tetapi ‘per-naungan’ seperti yang dapat difahami pada zaman Kesultanan Melaka dahulu tidak nampaknya menghapuskan kemerdekaan dan kedaulatan. Sebagai perbandingan, sultan-sultan di sembilan ‘negeri’ Melayu semasa dibawah naungan kerajaan British dahulu adalah raja-raja yang berdaulat. Dari segi teorinya, kerajaan British mempunyai taraf penasihat sahaja. Nampaknya Petani juga menerima taraf ‘naungan’ ini apabila ia memohon nobat dari Melaka.²⁸ Kedah juga telah memohon nobat dari Melaka.²⁹

Beberapa buah negeri di Sumatra telah menjadi jajahan takluk Melaka. Ada yang didapati oleh Melaka sebagai anugerah daripada Majapahit seperti Inderagiri³⁰ dan Siantan³¹ dan ada pula yang diperolehi menerusi peperangan seperti Kampar³² dan Siak.³³ Sungguhpun negeri-negeri ini mempunyai raja-rajanya sendiri tetapi mereka begitu tertakluk kepada Melaka. Semasa pemerintahan Sultan Alauddin, pernah berlaku satu peristiwa yang menunjukkan kedudukan negeri-negeri ini. Sultan Ibrahim, Raja Siak, telah menjatuhkan hukum bunuh ke atas seorang yang bersalah pada baginda, tanpa memberitahu ke Melaka. Sultan Alauddin telah mengirim Laksamana Hang Tuah ke Siak untuk membetulkan keadaan. Di hadapan Sultan Ibrahim, Laksamana Hang Tuah telah memarahi Perdana Menteri Siak,

Tiada berbudi tuan-hamba orang hutan, maka tiada tahu 'adat bahasa; benarkah membunuh orang tiada memberi tahu ka-Melaka? Hendak maharaja-lela tuan-hamba di-Siak ini,³⁴

Terdapat beberapa buah negeri lain di Sumatra yang tidak begitu jelas taraf perhubungannya dengan Melaka sungguhpun menerima ketuanan Melaka. Ini dapat dilihat semasa Sultan Mansor Shah hendak membuat lawatan negara ke Majapahit. Raja Palembang, Raja Jambi, Raja Lingga dan Raja Tungkal telah mengiringi Sultan Mansor ke Majapahit.³⁵ Dalam kumpulan ini pula, kedudukan Tungkal agak berlainan sedikit kerana orang-orang Tungkal adalah di antara yang dikerah oleh Bendahara mendirikan istana Sultan Mansor di Melaka.

Di Semenanjung Tanah Melayu, kekuasaan Kesultanan Melaka agak jelas. Kuasanya meliputi seluruh Semenanjung, termasuk Singapura. Pulau Singapura adalah pegangan Seri Bija Diraja.³⁶ Semasa Sultan Mansor Shah hendak membuat istana maka Bendahara telah mengerah orang-orang dari Ungaran, Tungkal, Buru, Suir, Panchor Serapong, Merba, Sawang, Kundor, Suntai, Malai, Upang, Bentan dan Muar untuk membuatnya.³⁷ Sebahagian daripada tempat-tempat ini adalah pegangan Orang-orang Besar Melaka, misalnya Suir, Merba dan Buru³⁸ tetapi Tungkal yang mempunyai Raja sendiri disamakan dengan mereka. Pires pula menyatakan,

The Kingdom of Malacca from Acoala Penajy to Kedah. All these are tin lands which they call timas.³⁹

Kekuasaan Melaka di sebelah timur Tanah Melayu dapat dilihat apabila Raja Muhammad, anak Sultan Mansor Shah, hendak dijadikan raja Pahang.

Maka raja Muhammad di-serahkan baginda pada Seri Bija Diraja, di-suroh rajakan di-Pahang....dan dari Sadeli Besar datang ka-Terengganu, di-anugerahi oleh baginda akan Raja Muhammad.⁴⁰

Kelantan juga telah ditakluki oleh Melaka pada zaman Sultan Mahmud.⁴¹ Taraf atau kedudukan negeri-negeri ini dalam perhubungannya dengan Melaka agak sukar hendak dipastikan. Mengikut Pires, kebanyakan negeri-negeri ini membayar ufti kepada Sultan Melaka.

Another place of timas besides this is called Klang. It pays the same amount, in Malacca,... There is another place beyond this on another river, which is called Selangor (Calamgor). It pays six thousand calains a year to Malacca in timas.⁴²

Beruas dan Perak juga membayar ufti.⁴³

Satu perkara yang menarik dalam perhubungan Melaka dengan negeri-negeri ini ialah perhatian yang diberikan oleh Melaka kepada jajahan takluknya. Misalnya, Sultan Mahmud telah memerintahkan panglimanya menyerang Manjong kerana "tiada ia muafakat dengan Beruas."⁴⁴ Apabila Kerajaan Melaka mendapat tahu bahawa Raja Legur hendak menyerang Pahang maka Sultan Mahmud telah bertitah,

Baik-lah; jika demikian Bendaharalah: kita suroh pergi dengan segala hulubalang membantu Pahang itu.⁴⁵

Dalam hal Manjong dan Beruas itu, nampaknya jajahan takluk Melaka yang di Semenanjung Tanah Melayu pun mempunyai kebebasan hinggakan Melaka perlu mengambil tindakan ketenteraan.

Pemeringkatan negara-negara yang berhubung dengan Melaka terjelma di dalam susunan perotokolnya. Misalnya, ada negara yang perutusannya disambut oleh keseluruhan kumpulan muzik istana, kecuali medeli dan suratnya dibawa di atas gajah.⁴⁶ Terdapat pada negara yang perutusannya disambut oleh sebahagian sahaja dari kumpulan muzik istana dan surat-suratnya dibawa di atas kuda.⁴⁷ Warna payung yang digunakan sewaktu menyambut perutusan juga menunjukkan taraf sesebuah negara. Bagi negara yang agak besar, misalnya perutusannya disambut dengan payung putih dan payung kuning. Kalau negara itu kurang penting maka sambutannya terhadap kepada payung kuning sahaja.⁴⁸ Tempat duduk raja-raja dan ketua-ketua rombongan dari luar, semasa mengadap Sultan Melaka, juga diatur mengikut peripentingnya negara-negara yang terlibat.⁴⁹

Dari segi perdagangan, hubungan Kesultanan Melayu Melaka dengan negara-negara lain adalah sangat meluas. Nukilan dari Pires di peringkat awal kertas ini menunjukkan perhubungan Melaka yang meliputi Asia Tenggara, Asia Timur, Asia Selatan, Asia Barat dan negara-negara Afrika yang hampir ke Asia Barat, seperti Mesir dan Abyssinia.⁵⁰ Barang-barang yang didagangkan di Melaka bukan sahaja datang daripada negara-negara ini tetapi termasuk juga barang-barang dari Eropah⁵¹ Untuk mengendalikan hubungan yang begitu meluas dan perdagangan yang begitu banyak, sudah tentulah Kerajaan Melaka mempunyai pegawai-pegawai — pentadbir, syahbandar, pemungut cukai dll. — yang berjumlah besar dan berkebolehan. Pentadbirannya mestilah teratur dan berkesan. Undang-undangnya berkuatkuasa. Malahan Undang-undang Laut itu adalah khusus untuk kegunaan pedagang-pedagang Melaka.

Kebolehan Sultan-sultan Melaka juga sudah semestinya menjadi salah satu faktor yang penting dalam kemajuan dan keagungan Melaka. Perlu diingat bahawa Sultan-sultan pada masa itu mempunyai kuasa yang hampir mutlak. Pires merujuk kepada Sultan Muzaffar Shah sebagai seorang yang baik hati dan bersikap munasabah.

He was a great man of justice; he devoted much care to the improvement of Malacca;...⁵²

Pandangan Pires tentang Sultan Muzaffar ini penting bukan sahaja dari segi kebolehan Sultan-sultan Melaka tetapi juga keutuhan buku *Sejarah Melayu* sebagai sumber sejarah. Pengarang *Sejarah Melayu* mewatakkan Sultan Muzaffar sebagai,

terlalu baik fi'il baginda, dengan adil dan murah dan saksama pada memeriksa ra'ayat; dan ia-lah menyuroh membuat undang-undang supaya jangan lagi ber-salahan 'adat segala hukum menteri-nya.⁵³

Berkenaan dengan Sultan Mansor Shah pula, Pires menggambarkan baginda sebagai seorang yang bermaruah,

...Mamsursa began to reign wisely over his kingdom, taking counsel of the old men, for virtuous government in matters of justice and the preservation of the country,...⁵⁴

Sejarah Melayu pula memerikan Sultan Mansor sebagai,

...terlalu baik paras-nya, serta dengan 'adil-nya lagi murah;...⁵⁵

Sejarah Melayu dan Pires mempunyai pendapat yang hampir sama tentang Sultan-sultan ini. Pendirian dan sikap yang baik di kalangan Sultan-sultan Melaka ini sebenarnya menjadi daya tarik kepada pedagang-pedagang. Sekali lagi kita merujuk kepada Pires,

The King of Malacca dealt kindly and reasonably with them, which is a thing that greatly attracts merchants, especially the foreigners.⁵⁶

Sungguhpun Melaka menjadi tumpuan kepada pedagang dan orang-orang asing tetapi ini tidak bermakna yang Melaka menjadi penerima atau tuan rumah sahaja. Sebelum ini telah dinyatakan tentang lawatan negara ke Majapahit dan perutusan ke Siam yang telah dibuat oleh Melaka. Beberapa orang Sultan Melaka telah pergi ke negeri China. Rombongan dari Melaka, tanpa Sultan, juga melawati China. Pedagang-pedagang Melaka berniaga dengan giat di rantau Asia Tenggara. Ada yang pergi berniaga ke India dan Sri Lanka.⁵⁷ Perutusan surat juga dibuat dengan negara lain seperti Ryukyu.⁵⁸

Satu lagi bidang kegiatan Melaka yang berkait dengan perhubungan luar ialah soal agama Islam. Sultan-sultan Melaka sangat berminat tentang Islam dan menghormatinya. Seorang Sultan Melaka yang tidak terkenal tentang kebaikan budi pekertinya sedia merendahkan dirinya, mengenenepikan kebesarannya agar baginda dapat mempelajari agama Islam.⁵⁹ Sultan Muzaffar Shah dikatakan telah berjaya mempengaruhi Raja-raja Pahang, Kampar dan Inderagiri untuk memeluk agama Islam. Kegiatan dakwah baginda ini telah mendapat pengiktirafan dari Raja-raja Islam yang lain.

And because of the honour he gained through making these three kings Moors [and] tributaries, his name became so famous that he had messages and presents from the kings of Aden, and Ormuz and of Cambay, and Bengal, and they sent many merchants from their regions to live in Malacca,...

Semasa menceritakan Sultan Alauddin pula, Pires menulis,

They say that this king was more devoted to the affairs of the mosque than to anything else,...

Seterusnya Pires mengatakan bahawa Sultan Alauddin mengajar Raja-raja Pahang, Kampar dan Inderagiri serta keluarga mereka tentang hal-hal agama Islam "because he knew all about them."

Sikap menghormati Islam ini dapat juga dilihat dari segi layanan yang diberi kepada penerbitan mengenai Islam, ulama-ulama Islam dan ilmu yang berkaitan dengan Islam. Di zaman Sultan Mansor Shah seorang ulama, Maulana Abu Bakar, telah datang ke Melaka, membawa kitab Durrulmanzum.⁶³ Apabila Maulana Abu Bakar sampai ke Melaka,

Maka sangat di-permulia oleh Sultan Mansor Shah; dan Darul'-mazlum di-suroh baginda arak lalu ka-balairong. Maka Sultan Mansor Shah pun berguru pada Maulana Abu Bakar.⁶⁴

Seterusnya kitab *Durrul-manzum* ini telah dikirim ke Pasai untuk diterjemahkan ke bahasa Melayu. Nampaknya, pada masa itu, pengetahuan tentang agama Islam agak lebih tinggi di Pasai daripada di Melaka. Terdapat juga peristiwa apabila Sultan Mansor menitahkan seorang pegawainya pergi ke Pasai untuk bertanyakan beberapa masalah berkenaan agama Islam.⁶⁵ Sultan Mahmud pun pernah berbuat demikian.⁶⁶

Pengkajian Islam terus berkembang di Melaka.⁶⁷ Buku-buku yang berkenaan dengan sejarah Islam pun telah diterjemahkan, misalnya buku *Hikayat Muhammad Hanafiah* dan *Hikayat Amir Hamzah*.⁶⁸ Sebagai sebuah pusat perdagangan yang amat besar maka kebanyakan pedagang-pedagang yang datang berniaga ke Melaka telah terdedah dan, setengahnya, berkenalan malahan memeluk agama Islam. Pedagang-pedagang Islam dan ulama-ulama Islam dari Melaka juga pergi ke negeri-negeri di Gugusan Kepulauan Melayu untuk berniaga dan menyebarkan agama Islam.⁶⁹ Mengikut kajian Professor Cesar Adib Majul, Islam datang ke Filipina menerusi Melaka.⁷⁰

Islam adalah salah satu faktor yang memainkan peranan dalam hubungan antarabangsa Melaka. Islam bukan sahaja telah merapatkan perhubungan antara negara-negara Islam dari segi kegiatan yang berkaitan dengan agama itu sendiri tetapi Islam juga telah menjadi dayatarik dalam bidang perdagangan. Pedagang-pedagang Islam terutamanya berasa senang berniaga di Melaka. Dalam pada itu, Islam juga telah menjadi salah satu sebab penting yang telah mendorong Portugal untuk menakluki Melaka. Kedatangan Portugis ke Melaka bukan hanya untuk berniaga. Cogankata yang dikatakan menjadi asas perjuangan orang Portugis iaitu 'God, glory and gold' memanglah benar.

Melaka telah menjadi pusat perniagaan berbagai bangsa—“...eighty-four languages have been found spoken,...”—tetapi mereka tidak cuba menakluki Melaka, kecuali di peringkat awal penubuhan Melaka apabila Siam telah menyerang Melaka. Lebih 60 tahun Kesultanan Melayu Melaka hidup aman tanpa pergaduhan hinggalah datangnya orang-orang Portugis. Agak menghairankan juga bagaimana Melaka boleh menerima dan berdagang dengan berpuhunan bangsa tanpa persengketaan; tiba-tiba masalah yang besar timbul apabila orang Portugis datang? Agak menarik kalau dibuat perbandingan dengan perhubungan Melaka dengan Kerajaan Ryukyu (Jepun). Lebih kurang pada tahun 1470 seorang, mungkin lebih, anggota rombongan perdagangan Ryukyu telah melanggar undang-undang Melaka. Sultan Melaka telah memberitahu Raja Ryukyu tentang hal ini.

All the envoys and interpreters so far dispatched [from Ryukyu] annually have behaved well. But among their following, [or for some] committed extreme mischief, heeding no advice and trying to start strife. This indeed gave trouble to our country.

We request that proper persons be dispatched here for communication with us in the future. This would benefit both of us.⁷¹

Raja Ryukyu telah menjawab keputusan dari Sultan Melaka dengan mengatakan, antara lain,

Last year one [many] of our men intentionally violated your regulations and committed mischief. We learned of this with surprise when we received your despatch, and accordingly we took proper measures. If in the future our envoys should not heed ordinary rules of conduct, we request you to report to us; we shall punish them. We hope that, without causing trouble to each other, we can co-operate and bind ourselves in perpetual friendship.⁷²

Keputusan Raja Ryukyu itu menunjukkan pengiktirafannya tentang kedaulatan Kesultanan Melayu Melaka, kepercayaannya tentang keadilan Kerajaan Melaka dan kesediaannya untuk bekerjasama demi kepentingan Ryukyu dan Melaka. Pendekatan atau sikap yang seperti ini telah tidak ditunjukkan oleh kerajaan Portugis. Mereka memang mencari jalan dan alasan untuk menguasai Melaka. Tome Pires sendiri telah menunjukkan dengan agak jelas tentang matlamat Portugis:

...as Mohammed (agama Islam) is cornered and cannot go farther, and flees as much as he can... and the truth is that Mohammed will be destroyed, and destroyed he cannot help but be.⁷³

Meskipun kajian ini agak terhad tetapi ia masih dapat menunjukkan kebolehan Kesultanan Melayu Melaka memainkan peranannya dalam perhubungan antarabangsa dengan berkesan. Penggubal-penggubal dasar luar dan pelaksana-pelaksananya telah menjalankan tugas mereka dengan baik dan membawa hasil yang sangat lumayan. Beberapa dasar yang telah digubal dan dilaksanakan di kurun ke 15 lagi oleh Kesultanan Melaka mengandungi unsur-unsur moden yang masih diamalkan di kurun ke 20 ini. Penggunaan dan penyebaran bahasa Melayu hingga menyebabkan Francis Valentyne menyatakan di tahun 1726 bahawa bahasa Melayu adalah bahasa antarabangsa dan barangsiapa tidak mengetahui bahasa Melayu, dari Persia di sebelah barat hingga Filipina di sebelah timur, maka orang itu dianggap tidak berpelajaran,⁷⁴ adalah berasaskan kepada kemampuan dan kejayaan Kesultanan Melayu Melaka dalam mengendalikan hubungan antarabangsa.

NOTA KAKI

¹I.A. Macgregor, "Johore Lama in the Sixteenth Century", in *Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society* (JMBRAS), Vol. XXVIII, Pt. 2, May 1955, p. 108.

²J. de V. Allen, *The Malayan Union*, Southeast Asia Studies, Yale University, 1967, hh.173-175.

³*Ibid.*, h. 169.

⁴Armando Cortesao (tr.), *The Suma Oriental of Tome' Pires*, Vol. II, Hakluyt Society, London, Second Series, No. XLIX, 1921, h. 175.

⁵*The Book of Duarte Barbosa*, (tr.), Vol. II, Hakluyt Society, London, 1944, h. 269.

⁶Jung-pang Lo, 'The decline of the Early Ming navy', *Oriens Extremus*, Vol. 5 (1958), h. 152-168 membincangkan pengunduran China dari Asia Tenggara.

⁷H.F. McNair *Modern Chinese History: selected readings*, Commercial Press, Shanghai, 1923, h. 2. Sekurang-kurangnya hingga ke akhir kurun ke 18, China menganggap negara-negara yang datang ke China sebagai negara uftinya.

⁸Wang Gungwu, 'The Nanhai Trade' dlm. *JMBRAS*, Vol. 31, Pt. 2, 1958, h. 34 dan 37.

⁹*Ibid.*

¹⁰Pires, *op. cit.*, p. 287.

¹¹*Sejarah Melayu*, Malaya Publishing House, Singapore, 1961, h. 247.

¹²*Ibid.*, hh. 91-93; Pires, *op. cit.*, h. 260.

¹³*Sejarah Melayu*, h. 82 dan 203-204; Pires, *op. cit.*, h. 261.

¹⁴*Sejarah Melayu*, hh. 146-147 (Siak), 124 (Siantan), hh. 144-146 (Kampar) dan 124 (Indragiri).

¹⁵*Ibid.*, hh. 116, 202-203.

¹⁶Pires, *op. cit.*, h. 268.

¹⁷A. Kobata and M. Matsuda (eds.), *Ryukyuan relations with Korea and South Sea countries*, Kawakita Printing, Kyoto, 1969, h. 104, 105 dan 106 menyatakan tujuan hendak balik cepat ke Ryukyu.

¹⁸Pires, *op. cit.*, h. 246.

¹⁹*Sejarah Melayu*, h. 116-124.

²⁰*Ibid.*, h. 105.

²¹*Ibid.*

²²*Ibid.*, h. 106.

²³Macgregor, *op. cit.*, p. 108.

²⁴Pires, *op. cit.*, h. 273.

²⁵*Ibid.*, h. 274.

²⁶*Sejarah Melayu*, h. 77 dan 96.

²⁷*Ibid.*, h.175-178.

²⁸*Ibid.*, h. 245-246.

- ²⁹*Ibid.*, h. 246.
- ³⁰*Ibid.* h. 124; Pires, *op. cit.*, h. 263.
- ³¹*Sejarah Melayu*, h. 124.
- ³²*Ibid.*, h. 144-145; Pires, *op. cit.*, h. 263.
- ³³*Sejarah Melayu*, h. 146-147.
- ³⁴*Ibid.*, h. 183.
- ³⁵*Ibid.*, h. 117.
- ³⁶*Ibid.*, h. 202-203; Pires, *op. cit.*, h. 262.
- ³⁷*Sejarah Melayu*, h. 140.
- ³⁸*Ibid.*, h. 147 dan 167.
- ³⁹Pires, *op. cit.*, h. 260.
- ⁴⁰*Sejarah Melayu*, h. 150.
- ⁴¹*Ibid.*, h. 205.
- ⁴²Pires, *op. cit.*, h. 260.
- ⁴³*Ibid.*, h. 261.
- ⁴⁴*Sejarah Melayu*, h. 203.
- ⁴⁵*Ibid.*, h. 241.
- ⁴⁶*Ibid.*, h. 77.
- ⁴⁷*Ibid.*, h. 78.
- ⁴⁸*loc. cit.*
- ⁴⁹*Sejarah Melayu*, h. 246 dan 247.
- ⁵⁰Pires, *op. cit.*, h. 268.
- ⁵¹*Ibid.*, h. 264 “Those from Cairo bring the merchandise brought by the galleasses of Venice...”.
- ⁵²*Ibid.*, h.243.
- ⁵³*Sejarah Melayu*, h. 88-89.
- ⁵⁴Pires, *op. cit.*, h. 247.
- ⁵⁵*Sejarah Melayu*, h. 99.
- ⁵⁶Pires, *op. cit.*, h. 246.
- ⁵⁷*Sejarah Melayu*, h. 221.
- ⁵⁸Kobata, *op. cit.*, h. 104-120.
- ⁵⁹*Sejarah Melayu*, h. 203. Sultan Mahmud telah tidak dibenarkan masuk oleh Maulana Yusof apabila Sultan datang hendak belajar agama Islam, dengan gajah kenaikannya dan pengiring-pengiringnya. Setelah malam hari, Sultan Mahmud telah datang semula hendak belajar agama, berjalan kaki dan membawa kitab sendiri dan Maulana Yusof telah membenarkan beliau masuk.
- ⁶⁰Pires, *op. cit.*, h. 245.
- ⁶¹*Ibid.*, h. 251.

⁶²*loc. cit.*

⁶³Di dalam buku *Sejarah Melayu*, nama kitab ini ialah *Daru'l-mazlum*. Soal pokoknya ialah penghormatan kepada Islam dan ilmu serta perhubungan dengan negara lain yang disebabkan.

⁶⁴*Sejarah Melayu*, h. 154.

⁶⁵*Ibid.*, h. 156.

⁶⁶*Ibid.*, hh. 251-253.

⁶⁷Lihat *Ibid.*, h. 251 apabila 'Bendahara sendiri datang ke rumah Makhdum Sadar Jahan' untuk belajar agama; dan *Ibid.*, h. 272 menyatakan Sultan Ahmad belajar tasauwuf.

⁶⁸*Ibid.*, hh. 273-274.

⁶⁹Dalam Islam tidak ada kumpulan mubaligh (priesthood) yang khusus kerjanya untuk dakwah. Siapa sahaja yang berkemampuan boleh menyebarkan Islam termasuk pedagang-pedagang.

⁷⁰Cesar Adib Majul, *Islam Di Filipina*, (terj.) Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1988, h. 59 dan 93. Kesultanan Melaka dianggap sebagai salah satu sumber kedatangan Islam ke Filipina.

⁷¹Kobata, *op. cit.*, h. 113.

⁷²*Ibid.*, h. 114.

⁷³Pires, *op. cit.*, h. 286.

⁷⁴F. Valentyne, "Valentyne's Description of Malacca", *Journal of the Straits Branch Royal Asiatic Society*, No. 13, Jun 1884, h. 52.